



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Kerugian Berikutan Kebakaran

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Kerugian Berikutan Kebakaran ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Polisi ini memberikan anda perlindungan ke atas kehilangan keuntungan, hasil, sewaan, caj tetap, upah atau gaji pada senaraian penggajian dan peningkatan dalam kos bekerja disebabkan oleh pemiagaan tergendala kerana kebakaran dan / atau bencana-bencana lanjutan lain.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut:-

- ❖ Kehilangan Keuntungan Kasar (berdasarkan perbezaan atau perlindungan asas tambahan)
- ❖ Kerugian Hasil Kasar
- ❖ Kehilangan Sewaan Kasar
- ❖ Caj-caj Tetap sahaja
- ❖ Upah (pada Dasar Berkembar atau 100% atau Pro-rata)
- ❖ Upah dan Gaji Berdasarkan Senarai Penggajian
- ❖ Peningkatan pada Kos Bekerja sahaja

Tambahan kepadanya, anda boleh menginsuranskan Yuran Juruaudit sebagai perkara tambahan di dalam polisi ini.

Tempoh perlindungan ialah untuk satu tahun dan anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda harus bayar mungkin berbeza-beza mengikut keperluan pengunderaitan syarikat insurans DAN jenis bencana yang anda pilih:-

Perlindungan standard: RM _____ premium bagi nilai diinsuranskan sebanyak RM _____

Perlindungan tambahan: RM _____

Anggaran jumlah premium yang harus anda bayar ialah: RM _____

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

<u>Apa yang perlu anda bayar sebagai tambahan kepada premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

<u>Perkara yang termasuk di dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen berbayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- ❖ Kepentingan membuat pendedahan – Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah
- ❖ Anda boleh menginsurans berdasarkan nilai anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Hasil Kasar / Sewa Kasar bagi tahun sebelumnya, seperti yang tertera dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran nilai yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro-rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada peruntukan premium yang telah dibayar akan dikeluarkan berdasarkan perbezaan pada nilai tersebut.
- ❖ Polisi ini akan terbatal jika syarikat anda tutup atau diteruskan oleh Likuidator atau Pemegang Amanah Raya atau kekal tutup.
- ❖ Polisi ini boleh diberikan hanya apabila Insurans Kebakaran diambil dengan kami.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah merupakan pengecualian utama di bawah polisi ini?

Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas peningkatan gangguan kerugian:-

- ❖ Kerugian oleh keadaan luar biasa yang berlaku ketika tempoh tergendala
- ❖ Kerugian dari had-had yang ditetapkan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau kendalian pemiagaan

- ❖ Kerugian akibat daripada modal yang tidak mencukupi untuk pengekaln atau penggantian harta benda yang terhapus, rosak atau hilang, tepat pada masanya

Polisi ini tidak akan melindungi yang berikut: -

- ❖ Kerugian berikutan dari kebakaran harta benda yang diperintahkan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam
- ❖ Kebakaran pada bawah permukaan tanah
- ❖ Peperangan, Perang Saudara dan sebarang tindakan Pengganasan
- ❖ Risiko tenaga radioaktif dan nuklear
- ❖ Pengiktirafan Tarikh
- ❖ Kerosakan harta benda data atau perisian

Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda layak untuk menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang kami pegang. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang pernah dibuat di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan kepada maklumat terperinci saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Jenis-jenis perlindungan yang lain yang boleh didapati

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda serta ejen-ejen untuk jenis-jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.